

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI RUMAH SEMBELIH SHAH ALAM, SELANGOR PADA 18HB JULAI, 1974

Y.B. Tan Sri Haji Ghazali Jawi, Pengurus Lembaga Teraakan Negara, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sukacita dapat bersama pada petang ini untuk merasmikan pembukaan Abbatoir atau Rumah Sembelih Shah Alam ini. Suka-lah saya menyatakan Penghargaan dan terimakasih kepada Tan Sri Ghazali Jawi dan Pengerusi serta Ahli-ahli Lembaga Jemaah Majuternak di atas penghormatan yang diberikan kepada saya itu.

Peristiwa hari ini membuka babak baru dalam perkembangan dan kemajuan sektor ternakan di negara ini di samping menunjukkan keazaman Kerajaan memberikan kemudahan yang sempuraa untuk rakyat mendapatkan bekalan daging yang bersih untuk makanan sehari-hari. Abbatoir ini boleh disifatkan sebagai "nucleus" bagi mempesatkan kemajuan di bidang perusahaan ternakan dengan cara yang lebih modern dan "sophisticated" dan dengan kejayaan projek perintis ini Kerajaan akan membina lebili banyak lagi Rumah Sembelih sejajar dengan keperluan negara kita.

Seperti dimaklum projek ini termasuk Pusat Pemungutan Daging dan Ternakan di Senawang, yang menelan belanja lebih kurang \$12.8 juta. Ini adalah satu perbelanjaan yang besar tetapi sebagai masyarakat yang ingin maju kita memerlukan kemudahan-kemudaran serupa ini untuk menjamin mutu kebersihan dan pengeluaran daging yang sempurna untuk dimakan. Hingga hari ini, kebanyakan rumah-rumah sembelih di negara ini berjumlah lebih kurang 350 buah, tidaklah begitu teratur keadaannya dan tidak dapat menjamin mutu pengeluaran dan kebersihan yang sempurna. Kerajaan telah menjalankan kajian dengan tujuan hendak membaiki keadaan ini dan salah satu daripada perakuan ialah supaya rumah-rumah sembelih yang ada sekarang dipusatkan atau "centralised" agar menjadi yunit-yunit yang lebih ekonomik dan dapat dikawal kebersihannya- Selain daripada itu, bahan-bahan yang biasanya terbuang dapat diselamatkan untuk dijadikan "by-products" seperti makanan ternakan atau baja.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Dalam hubungan ini MAJUTERNAK telah ditugaskan untuk menyusun semula rumah-rumah sembelihan di negara ini dan melaksanakan projek-projek pembangunan. Projek Abbatoir Shah Alam ini adalah hasil pertama dari langkah tersebut. Seperti dinyatakan oleh Tan Sri Ghazali Jawi tadi Abbatoir Shah Alam ialah yang termoden di Asia Tenggara bertaraf internasional dan kita bolehlah berbangga dengan kemajuan ini. Rakyat di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan khasnya boleh merasa bertuah kerana kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati di kedua negeri ini dan mereka sepatutnya menjauhi dari membeli daging yang disembelih dengan cara haram dan di tempat-tempat yang mutu kebersihannya tidak terjamin.

Saya berharap dengan adanya sistem baru dan moden yang dijalankan oleh MAJUTERNAK ini amalan-amalan penyembelihan secara haram yang sangat merbahaya dan tidak sihat itu akan dapat direnti jika boleh dihapuskan sama sekali. Sebuah yunit penguatkuasa bagi mencegah penyembelihan haram telah juga ditubuhkan di MAJUTERNAK untuk mengawasi amalan-amalan yang tidak sihat ini berlaku di ceruk rantau negara kita ini. Mengikut Akta Penyembelihan, seorang yang melakukan kesalahan ini boleh didenda sehingga sebanyak \$25,000.

Pada segi lainnya, sistem baru ini akan mendatangkan perubahan dan pembaharuan yang perlu jika kita berkehendak kemajuan. Memanglah menjadi tanggungjawab Kerajaan mencari jalan dan berbuat sesuatu demi kepentingan dan kebajikan rakyat. Saya fikir adalah baik mereka yang masih lagi belum menerima sistem baru yang dijalankan oleh Abbatoir Shah Alam ini supaya bekerjasama dan menyesuaikan dengan keadaan pengeluaran mereka setapak demi setapak hingga berjalan dengan licin dan lancar. Saya dapat tahu masa ini suri-suri rumahtangga dan peniaga-peniaga khasnya peniaga-peniaga runcit menyokong dan menerima sistem di sini. Bagi negeri-negeri yang lain. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu menerusi MAJUTERNAK untuk memodenkan dan mengawal rumah-rumah sembelih yang ada di setiap bandar, besar dan kecil. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberi kerjasama yang penuh di dalam perkara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya ingin menyatakan terima kasih kepada kerajaan Denmark yang telah memberi kerjasama di dalam pelaksanaan projek ini. Bantuan yang diterima, termasuk menjalankan feasibility study, pinjaman wang tanpa faedah, rancangan latihan dan mengadakan pakar-pakar untuk membantu pelaksanaan dan perjalanan projek ini, iaitu dua orang pakar dalam bidang pemeriksaan daging dan kejuruteraan. Saya juga difahamkan Tuan Yang Terutama Duta Denmark sendiri mengambil berat dan sangat berminat atas pelaksanaan projek ini. Bantuan dan kerjasama negara sahabat kita itu sangatlah menggalakkan dan projek ini adalah satu contoh di mana negara yang dianggap termaju sekali dalam lapangan rumah sembelih menolong negara yang sedang membangun untuk mencapai kemajuan yang setaraf dalam bidang yang sama. Saya mengambil peluang ini meminta Tuan Raavad untuk menyampaikan perasaan terima kasih dan penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Denmark "on its very generous and progressive technical assistance policies towards developing nations". Saya mengambil peluang juga melafazkan rasa terimakasih dan penghargaan saya sendiri kepada Tuan Raavad atas kerjasama beliau itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Di masa akhir-akhir ini sering terdengar kata-kata iaitu Malaysia tidak layak lagi menerima bantuan dari negara-negara sahabat kerana kita sudah maju berbanding dengan negara-negara lain yang sedang membangun. Sungguhpun ini ada kebenarannya, tetapi tidak siapa boleh menafikan Malaysia masih terkebelakang dalam banyak bidang, seperti di bidang sains dan teknologi penternakan—"animal science and technology". Dengan adanya projek yang sedang berjalan sekarang untuk memajukan perusahaan ternakan, Malaysia memerlukan bantuan pakar-pakar yang berpengalaman dalam bidang animal science and technology. Kekurangan tenaga manusia yang berpengalaman dalam pengurusan ladang ternakan dengan cara moden dan besar-besaran ialah satu-satu perkara yang menghalang perkembangan perusahaan ternakan. Memandang hal ini, kita sangat berharap kepada negara-negara sahabat untuk membantu Malaysia membangunkan perusahaan daging dan susu di negara ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah memperuntukkan 32.0 juta ringgit kepada MAJUTERNAK untuk memajukan perusahaan haiwan. Beberapa rancangan telahpun dipersetujui dan dalam proses pembangunannya di Pahang Tenggara, Johor, Trengganu dan Perak, selain daripada projek yang sedang berjalan dekat Behrang. Ini membuktikan hasrat Kerajaan hendak menggalak perkembangan perusahaan ternakan supaya menjamin bekalan dan mutu pengeluaran perusahaan ternakan bagi rakyat. Tidak syak lagi perkembangan perusahaan ini turut membantu mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan khasnya mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk belia di kampung-kampung. Saya percaya dengan izin Allah dan juga dengan semangat berkhidmat serta kerjasama dari semua pihak. rancangan-rancangan MAJUTERNAK akan mendapat kejayaan yang cemerlang dan mencapai matalamatnya.

Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan terimakasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini, khasnya kepada pegawai dan kakitangan Abbatoir Shah Alam ini. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Abbatoir Shah Alam ini dengan doa dan harapan agar dapat memenuhi cita-cita Kerajaan untuk membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara.